

RISALAH PENERANGAN MENGENAI PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL BERKELOMPOK PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Pemegang Polisi/Kontrak
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG ("UMP")

Penanggung Takaful
ETIQA TAKAFUL BERHAD (266243 D)
Level 19, Tower C, Dataran Maybank
No 1 Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur.

SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL BERKELOMPOK BAGI PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1. PENGENALAN

UMP telah mengambil Perlindungan Takaful Berkelompok dengan Etiqa Takaful Berhad bagi melindungi pelajar-pelajarnya. Semua pelajar berdaftar UMP mulai 28 Jun 2009 hingga 27 Jun 2010 adalah dilindungi di bawah skim ini.

2. TUJUAN SKIM

Skim Takaful berkelompok ini adalah bertujuan :-

- i) Memastikan kebajikan pelajar diutamakan dengan menyediakan skim perlindungan asas dalam bentuk pampasan sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti kematian dan kecatatan kekal.
- ii) Meringankan beban kewangan kepada waris yang perlu menanggung kos-kos berkaitan sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

3. MANFAAT PERLINDUNGAN YANG DISEDIAKAN

Di bawah skim ini, pelajar-pelajar dilindungi 24 jam sehari di seluruh dunia. Sekiranya berlaku kematian atau cacat kekal samada disebabkan penyakit atau kemalangan, pelajar/waris pelajar layak untuk membuat tuntutan. Etiqa Takaful juga menyediakan manfaat-manfaat sampingan lain seperti Jadual di sebelah

Skop/Manfaat Perlindungan	Jumlah Pampasan
1. Kematian Biasa	RM14,000.00
2. Keilatan Kekal Menyeluruh Biasa	RM14,000.00
3. Kematian Akibat Kemalangan	RM20,000.00
4. Keilatan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan	RM20,000.00
5. Keilatan Separa Kekal Akibat Kemalangan (rujuk jadual manfaat)	RM20,000.00 (Maksimum)
6. Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	RM1,000.00
7. Perbelanjaan Pengkebumian	RM1,000.00
8. Manfaat Elaun Wad Hospital Akibat Penyakit atau Kemalangan	RM30.00/hari (maksimum 30 hari)

(Sila rujuk Jadual Manfaat sebelah bagi skop no. 5)

4. PROSEDUR MEMBUAT TUNTUTAN

- Langkah 1 - Laporkan kepada pihak JHEPA dan dapatkan borang tuntutan di pejabat JHEPA (pastikan ambil borang yang betul).
- Langkah 2 - Lengkapkan borang tuntutan dan lampirkan dokumen-dokumen yang berkaitan.
- Langkah 3 - Serahkan borang tuntutan berserta dokumen lengkap kepada Unit Biasiswa & Pembiayaan, JHEPA, UMP
- Langkah 4 - Pihak JHEPA akan menghubungi pelajar/waris pelajar setelah cek pembayaran pampasan telah diterima dari Etiqa Takaful.

5. DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA MEMBUAT TUNTUTAN

Sila rujuk "Senarai Semak Dokumen Untuk Tuntutan" yang akan diberikan bersama-sama borang tuntutan.

6. PERLU PENJELASAN LANJUT?

Sila hubungi Unit Biasiswa & Pembiayaan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di talian 09-5492540 atau 09-5492545.

JADUAL MANFAAT KEHILANGAN UPAYA BERKEKALAN AKIBAT KEMALANGAN

Penerangan Kehilangan Upaya Kekal	Jumlah peratus
Hilang kedua anggota tangan atau kaki	100%
Hilang kedua tangan atau jari dan kedua ibu jari tangan	100%
Hilang penglihatan pada kedua belah mata	100%
Lumpuh keseluruhan	100%
Terlantar sakit di katil akibat kecederaan	100%
Kehilangan upaya berkekalan disebabkan kecederaan	100%
Hilang sebelah lengan pada bahu	100%
Hilang sebelah lengan antara bahu ke bawah	100%
Hilang lengan pada siku	100%
Hilang lengan antara siku & pergelangan tangan	100%
Hilang lengan pada pergelangan tangan	100%
Hilang sebelah kaki	
- pada pangkal peha	100%
- antara lutut & pangkal peha	100%
- di bawah paras lutut	100%
Mata: Hilang - kedua mata	100%
- penglihatan	50%
- penglihatan, kecuali persepsi cahaya	50%
- hilang kanta mata	50%
Hilang empat batang jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
Hilang empat jari	40%
Hilang ibu jari	25%
Hilang kesemua jari sebelah kaki	15%
Hilang seluruh pendengaran kedua-dua telinga	75%
- sebelah telinga	15%
NOTA PENTING	
Risalah ini hanyalah merupakan penerangan ringkas sahaja dan tidak menyeluruh. Untuk butiran lengkap tentang pengecualian, terma-terma dan syarat-syarat perlindungan, ianya ada terkandung di dalam Kontrak Takaful Universiti Malaysia PAHANG.	

